

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG

KENYATAAN MEDIA

**MURID HILANG SEWAKTU BERIADAH DI PANTAI BALOK,
USAHA MENCARI DIPERGIAT**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang prihatin terhadap kehilangan seorang murid sewaktu beriadah bersama rakan-rakan di Pantai Balok, Pahang pada Jumaat.

Dalam kejadian pada petang semalam, beberapa orang murid telah keluar asrama untuk beriadah tanpa pengetahuan pihak sekolah. Aktiviti yang dijalani bukan sebahagian daripada program rasmi yang dianjurkan pihak sekolah.

Usaha mencari murid yang hilang sedang dipergiatkan dengan bantuan pihak berkuasa. JPN Pahang mendoakan semoga murid yang hilang dapat segera ditemui dalam keadaan selamat.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG
18 APRIL 2026**